

Embracing Sustainability For A Greener Future



Trienekens Celebrates
**National Environment
Day 2023**



Group CEO's Message Warkah CEO Kumpulan

Mr. Stephen Chin

I am thrilled to have witnessed our company's steady and remarkable growth over this past year. This is a direct result of our continued commitment to delivering quality services for our customers through safe, efficient and innovative waste management solutions that prioritise their needs and satisfaction while emphasising on environmental sustainability.

At Trienekens, we fully understand that the foundation of our success lies in the satisfaction and trust of our customers. This success is a testament to the hard work, dedication and relentless efforts of our teams to provide outstanding services to our valued customers. Our recent win of the IKM Laboratory Excellence Award for 2023 in December motivates us to continue pushing boundaries to better serve our customers.

Crucially, as we grow, we are also mindful of our responsibility to the environment and society. Sustainability is not just a buzzword for us; it is one of the core principles that guide our decision-making and ensure that we contribute positively to the customers and communities we serve while minimising our environmental impact.

Our involvement in the state-level celebration of the National Environment Day in November reflected our keen interest and strong commitment to work closely with the state government to foster economic development while preserving our environmental resources. Through collaborations with the Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak, the Department of Environment (DOE) Sarawak, local councils and other relevant agencies, we are eager to extend our full support and cooperation to the state government in putting environmental sustainability at the forefront of the state's development agenda.

I am also very happy to have met and talked with our team members at the recent Trienekens Annual Dinner. As we continue on this trajectory of growth, I encourage everyone to remain committed to delivering exceptional services to our customers and the community. As we celebrate our achievements and strengths, let us also remain focused on the journey ahead. Our commitment as a team will not only define our success but also contribute to a brighter and more sustainable future. Once again, thank you for your hard work and dedication.

I hope you will all enjoy reading more exciting company news and happenings in this latest edition of Madah Kita. As we come to the beginning of a new year, I wish all our readers a very Happy and Blessed year ahead!

Saya teruja melihat pertumbuhan syarikat yang baik dan luar biasa sepanjang tahun ini. Ini adalah hasil komitmen kita memberikan perkhidmatan berkualiti yang berterusan kepada pelanggan melalui penyelesaian-penyelesaian pengurusan sisa yang selamat, efisien dan inovatif yang mengutamakan keperluan dan kepuasan mereka sambil menekankan kelestarian alam sekitar.

Di Trienekens, kita memahami sepenuhnya bahawa asas kejayaan kita terletak kepada kepuasan dan kepercayaan pelanggan. Kejayaan ini adalah bukti kerja keras, dedikasi dan usaha gigih pasukan kita tanpa henti memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada para pelanggan yang kita hargai. Kemenangan Anugerah Makmal IKM 2023 yang baru kita perolehi pada bulan Disember telah mendorong kita untuk terus melangkaui batasan agar dapat memberikan yang terbaik kepada pelanggan kita.

Apa yang juga penting, sambil kita membangun, kita juga harus ingat tentang tanggungjawab kita kepada alam sekitar dan masyarakat. Kelestarian bukanlah sekadar kata-kata sahaja untuk kita; ia merupakan prinsip teras yang membimbing kita membuat keputusan dan memastikan kita menyumbang secara positif kepada para pelanggan dan komuniti-komuniti sambil mengurangkan impak ke atas alam sekitar.

Penglibatan kita di dalam sambutan Hari Alam Sekitar peringkat negeri pada bulan November lepas menggambarkan hasrat dan komitmen kukuh kita untuk bekerja erat dengan kerajaan negeri untuk membangun ekonomi sambil memelihara sumber-sumber alam sekitar. Melalui kolaborasi dengan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak, majlis-majlis tempatan dan lain-lain agensi berkaitan, berhasrat memberikan sokongan dan kerjasama penuh kepada kerajaan negeri untuk meletakkan kelestarian alam sekitar sebagai perkara utama di dalam agenda pembangunan negeri.

Saya juga amat gembira kerana telah bersua dan berbicara bersama dengan anggota-anggota pasukan kita di majlis Makan Malam Tahunan Trienekens baru-baru ini. Dalam kita meneruskan trajektori pertumbuhan ini, saya ini menggalakkan anda untuk terus berkomited di dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada para pelanggan dan komuniti kita. Sambil kita meraikan pencapaian dan kekuatan kita, marilah kita sama-sama menumpu perhatian kepada perjalanan di hadapan kita. Komitmen kita sebagai satu pasukan bukan sahaja akan menentukan kejayaan kita tetapi ia juga akan menyumbang kepada masa hadapan yang lebih cerah dan lestari. Sekali lagi, terima kasih di atas usaha dan dedikasi gigih anda.

Saya berharap anda semua akan seronok membaca berita-berita terkini syarikat di dalam edisi terbaru Madah Kita ini. Dalam kita melangkah ke tahun baru, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru yang diberkati kepada semua pembaca!

CONTENTS / KANDUNGAN

Corporate Affairs / Hal Ehwal Korporat

- Trienekens Celebrates National Environment Day 2023
Trienekens Meraikan Hari Alam Sekitar Negara 2023 02
- Trienekens Bags Laboratory Excellence Award
Trienekens Terima Anugerah Kecemerlangan Makmal 04
- Trienekens and Swinburne Sarawak Sign MoU on Data Analytics and AI Technology Research
Trienekens dan Swinburne Sarawak Tandatangani MoU Bagi Penyelidikan Analisis Data dan Teknologi AI 05
- Shaping A Sustainable Future Together
Bersama Membentuk Masa Hadapan Lestari 06

HSE

- HSE Month 2023 - Focusing on Preparedness
Bulan HSE 2023 - Fokus kepada Kesediaan 08
- Electrical and Electronic Waste (BEE) Collection Campaign
Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (BEE) 10
- Strengthening Team Safety and Preparedness
Mengukuh Keselamatan dan Kesediaan Pasukan 11

Human Resources / Sumber Manusia

- Building Competency Through Training
Tingkatkan Kecekapan Melalui Latihan 13

Corporate Social Responsibility/ Tanggungjawab Sosial Korporat

- Supporting The Community
Menyokong Komuniti 15

Special Feature / Rencana Khas

- Celebrating One Another, Embracing Diversity
Meraikan Sesama Rakan, Menyambut Kepelbagaian 17
- Fostering Camraderie Through Sports
Menjalin Persahabatan Melalui Sukan 19
- Trienekens Conquers the Rapids
Trienekens Takluki Jeram 19

Our People / Rakan Sekerja Kita

- New Team Members / *Tenaga Kerja Baru* 20
- Promotions / *Kenaikan Pangkat* 20

Spot The Difference / Carikan Perbezaan

21

Madah Kita Editorial Team

Advisor / Penasihat:

Katherine Kong

Concept & Editorial / Konsep & Redaksi:

Janet J. Balong

Rebecca Su

Contributors / Penyumbang:

Clare Kho

Doreen Lang

Felicia Raelo

Marilyn Martin

Trienekens Celebrates National Environment Day 2023

Trienekens Meraikan Hari Alam Sekitar Negara 2023



YB Datuk Amar Professor Dr. Sim launching the state-level celebration along with other honourable guests.
YB Datuk Amar Professor Dr. Sim merasmikan sambutan peringkat negeri bersama dengan tetamu kehormat lain.

In a world faced with escalating environmental challenges, the call for collective action is louder than ever. This year's National Environment Day theme, "Environment Is a Shared Responsibility," represents a rallying call that unites individuals, communities, businesses and governments in a shared commitment to address and overcome environmental issues.

In 2023, Trienekens is honoured to have been part of the state-level celebration of the National Environment Day as one of the co-organising partners. The event was launched by the Premier of Sarawak YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, represented by YB Datuk Amar Professor Dr Sim Kui Hian at the Dewan Undangan Negeri Sarawak. The momentous celebration highlighted the state's commitment to green development initiatives and technologies in creating a green, clean and sustainable Sarawak.

At the event, Trienekens in collaboration with the Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak and WWF-Malaysia, unveiled the publication of the first ever solid waste management education book developed for primary school students, particularly members of NREB's Kelab Pencinta Alam Sekitar (PALS). The book aims to teach the young generation about the fundamental knowledge and best practices in solid waste management and environmental sustainability, including the concept of transforming waste into new resources while fostering circular economy.

The company also pledged support for NREB's PALS Club School Adoption Programme which will benefit eight primary schools in Kuching in their environmental initiatives.

Trienekens also received an appreciation certificate as one of the licensed vendors for the e-waste collection campaigns carried out by NREB and Department of Environment Sarawak throughout the year.



The unveiling of the solid waste management education book by YB Datuk Amar Professor Sim, NREB's Controller of Environmental Quality Sarawak, Jack Liam (fifth left), Trienekens Group CEO, Stephen Chin (second right), Associate Director, Sarawak and Conservation Science, WWF-Malaysia Kuching office, Dr Jason Hon (far left) and other guests.

Pelancaran buku pendidikan pengurusan sisa pepejal oleh YB Datuk Amar Profesor Sim, Controller Kualiti Alam Sekitar Sarawak NREB, Jack Liam (kelima dari kiri), CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (kedua dari kanan), Pengarah Bersekutu, Sarawak dan Sains Pemuliharaan, WWF-Malaysia pejabat Kuching, Dr Jason Hon (hujung kiri) dan tetamu lain.

Di dalam dunia yang berhadapan dengan cabaran alam sekitar yang kian meningkat, seruan untuk bertindak secara kolektif kini bertambah kuat daripada biasa. Tema Hari Alam Sekitar Negara tahun ini, “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama,” melambangkan seruan menyatukan individu, komuniti, perniagaan dan kerajaan dalam komitmen bersama untuk menangani dan mengatasi isu alam sekitar.

Pada 2023, Trienekens bangga kerana dapat menyertai sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri sebagai salah satu rakan penganjur. Acara ini telah dilancarkan oleh Ketua Menteri Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, diwakili oleh YB Datuk Amar Profesor Dr Sim Kui Hian di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak. Sambutan besar-besaran tersebut telah menunjukkan komitmen negeri terhadap inisiatif dan teknologi pembangunan hijau dalam mewujudkan Sarawak yang hijau, bersih dan mampan.

Di majlis tersebut, Trienekens dengan kerjasama Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak dan WWF-Malaysia, telah melancarkan sebuah buku pendidikan pengurusan sisa pepejal yang pertama kali diterbitkan untuk pelajar sekolah rendah, khususnya ahli Kelab Pencinta Alam Sekitar (PALS) NREB. Buku ini bertujuan untuk mendidik generasi muda tentang pengetahuan asas dan amalan terbaik dalam pengurusan sisa pepejal dan kelestarian alam sekitar, termasuk konsep mengubah sisa kepada sumber baharu sambil memupuk ekonomi kitaran.

Syarikat juga menyumbang sokongan kepada Program Sekolah Angkat Kelab PALS NREB yang akan memanfaatkan lapang buah sekolah rendah di Kuching dalam inisiatif alam sekitar mereka.

Trienekens juga telah menerima sijil penghargaan sebagai salah satu vendor berlesen di dalam kempen kutipan bahan buangan elektronik dan elektrik yang telah dijalankan oleh NREB dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak sepanjang tahun ini.



General Manager for HSE, Harris ak Michael Deho (right) receiving an appreciation certificate from YB Datuk Amar Professor Dr. Sim in recognition of Trienekens' participation in BEE Collection Campaign for 2022 and 2023.

Pengurus Besar HSE, Harris ak Michael Deho (kanan) menerima sijil penghargaan daripada YB Datuk Amar Profesor Dr. Sim sebagai pengiktirafan penyertaan Trienekens dalam Kempen Pengumpulan BEE untuk tahun 2022 dan 2023.



Stephen providing an overview of Trienekens' operations to YB Datuk Amar Professor Dr. Sim and YB Datuk Haji Len Talif Salleh (left).

Stephen menerangkan operasi Trienekens kepada YB Datuk Amar Profesor Dr. Sim dan YB Datuk Haji Len Talif Salleh (kiri).



Trienekens team ready to welcome event participants at the company's corporate exhibition booth.

Pasukan Trienekens bersedia untuk menyambut tetamu di tapak pameran korporat syarikat.

Trienekens Bags Laboratory Excellence Award Trienekens Terima Anugerah Kecemerlangan Makmal



(left to right) Dato' ChM Dr Hj Mas Rosemal Hakim Bin Mas Haris (Council Member of IKM), Nurul Afina binti Sumed (Process Chemist), ChM Halimah Binti Abdul Rahim (Registrar IKM Council) and ChM Li Hui Ling (Council Member of IKM).

(kiri ke kanan) Dato' ChM Dr Hj Mas Rosemal Hakim Bin Mas Haris (Ahli Majlis IKM), Nurul Afina binti Sumed (Ahli Kimia Proses Trienekens), ChM Halimah Binti Abdul Rahim (Pendaftar Majlis IKM) dan ChM Li Hui Ling (Ahli Majlis IKM).

Trienekens has won the IKM Laboratory Excellence Award for 2023, marking its ninth win since 2015, for its commitment to providing high-quality, competent laboratory testing services.

Trienekens Group CEO Stephen Chin credited the company's team of staff for their dedication and professionalism upon receiving the award, highlighting the commitment to providing efficient and high-quality services, which has enabled customers to obtain reliable and accurate results.

Chin emphasised that Trienekens aims to set new benchmarks in the industry by remaining steadfast in its efforts to provide high-quality services and by keeping customer satisfaction a top priority. Chin also thanked the State Government for the continued trust and support, spurring the company to greater achievements.

The Malaysian Institute of Chemistry recently hosted the IKM Laboratory Excellence Award event to recognise laboratories that have achieved competency in analytical work.

During the award ceremony held at Selangor's One World Hotel, Trienekens' Process Chemist Nurul Afina Binti Sumed was honoured to accept the award on behalf of the company. The award was presented by ChM Halimah Binti Abdul Rahim, Registrar of IKM Council.

Trienekens telah memenangi Anugerah Kecemerlangan Makmal Institut Kimia Malaysia (IKM) bagi tahun 2023, kemenangannya yang ke-sembilan sejak 2015, di atas komitmennya menyediakan perkhidmatan ujian makmal yang berkualiti tinggi dan cekap.

CEO Kumpulan Trienekens Stephen Chin menyatakan bahawa kemenangan tersebut adalah hasil dedikasi dan sifat professional anggota pasukannya yang menyerlahkan komitmen syarikat untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti tinggi, membolehkan pelanggan menerima keputusan yang boleh dipercayai dan tepat.

Chin menekankan bahawa Trienekens berhasrat untuk menetapkan penanda aras baharu dalam industri dengan kekal teguh dalam usahanya untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi dan dengan meletakkan kepuasan pelanggan sebagai keutamaan. Chin juga berterima kasih kepada Kerajaan Negeri di atas kepercayaan dan sokongan berterusan sehingga membolehkan syarikat itu mendapat pencapaian yang lebih baik.

Institut Kimia Malaysia baru-baru ini menganjurkan majlis Anugerah Kecemerlangan Makmal IKM bagi mengiktiraf makmal yang telah mencapai kecekapan dalam kerja analisis.

Semasa majlis anugerah yang diadakan di Hotel One World Selangor, Ahli Proses Kimia Trienekens Nurul Afina Binti Sumed telah diberi penghormatan untuk menerima anugerah tersebut bagi pihak syarikat. Anugerah disampaikan oleh ChM Halimah Binti Abdul Rahim, Pendaftar Majlis IKM.

Trienekens and Swinburne Sarawak Sign MoU on Data Analytics and AI Technology Research

Trienekens dan Swinburne Sarawak Tandatangani MoU Bagi Penyelidikan Analisis Data dan Teknologi AI



Trienekens Group CEO Stephen Chin exchanging MoU documents with Ir Prof Lau Hieng Ho, the Pro Vice-Chancellor and CEO of Swinburne Sarawak. Looking on (behind from left) are Ts. Sudarnoto Osman, CEO of Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC), YB Datuk Francis Harden Anak Hollis, Deputy Minister for Education, Innovation and Talent Development (Talent Development) and Prof. Jugdutt Singh, Chief Scientist and Chief Advisor for Digital Economy to the Sarawak State Government.

CEO Kumpulan Trienekens Stephen Chin bertukar dokumen MoU dengan Ir Prof Lau Hieng Ho, Naib Canselor Pro dan CEO Swinburne Sarawak. Turut menyaksikan (dari kiri belakang) ialah Ts. Sudarnoto Osman, CEO Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC), YB Datuk Francis Harden Anak Hollis, Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pembangunan Bakat) dan Prof. Jugdutt Singh, Ketua Saintis dan Ketua Penasihat Ekonomi Digital kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Trienekens and Swinburne Sarawak recently inked an MoU to forge a collaboration to explore the potential of applying data analytics and artificial intelligence (AI) for the smart management of solid waste and environmental sustainability.

Trienekens' comprehensive industry knowledge, combined with Swinburne Sarawak's expertise in data analytics, will pave the way towards transforming traditional waste management processes into more intelligent, effective and sustainable systems. The integration of data analytics and AI technologies will set a new benchmark that contributes to better resource utilisation, reduced environmental impacts, and improved overall waste management outcomes.

Trienekens dan Swinburne Sarawak baru-baru ini telah menandatangani MoU bagi menjalin satu kolaborasi untuk menerokai potensi mengaplikasi analisis data dan kecerdasan buatan (AI) untuk pengurusan sisa pintar dan kelestarian alam sekitar.

Pengetahuan industri Trienekens yang komprehensif, digandingi dengan kepakaran Swinburne Sarawak dalam analisis data, akan mengorak langkah ke arah mentransformasikan proses-proses pengurusan sisa tradisional kepada sistem-sistem yang lebih pintar, efektif dan mampan. Integrasi analisis data dan teknologi AI akan menetapkan penanda aras baru yang akan menyumbang kepada penggunaan sumber yang lebih baik, pengurangan impak-impak alam sekitar, dan hasil-hasil pengurusan sisa am yang lebih baik.

Shaping A Sustainable Future Together

Bersama Membentuk Masa Hadapan Lestari

Trienekens believes that collaboration between stakeholders is key to achieving continuous growth and improvement in sustainable business practices while promoting awareness, education and economic diversity. With this goal in mind, Trienekens actively engages with industry members, public authorities and clients to spread awareness, share experiences and promote sustainable actions while collectively contributing to the further development of modern environmental management systems.

Trienekens percaya bahawa kolaborasi di antara pihak berkepentingan adalah kunci untuk mencapai pertumbuhan dan pembaikan yang berterusan di dalam amalan perniagaan mampan di samping mempromosi kesedaran, pendidikan dan kepelbagaian ekonomi. Dengan matlamat ini, Trienekens terlibat dengan aktif bersama anggota-anggota industri, pihak berkuasa awam, dan para pelanggan untuk meningkat kesedaran, berkongsi pengalaman dan mempromosi tindakan-tindakan lestari serta menyumbang kepada pembangunan sistem pengurusan alam sekitar yang moden.

Familiarisation Visit by the Department of Environment (Sarawak) Lawatan Pengenalan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak



A group of officers from the Department of Environment (DOE) Sarawak led by its new Director Mr. John Rampai (fourth left) visited the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) as part of a familiarization visit to gain a better understanding on the facility's operations. The group was welcomed by Group CEO Stephen Chin, General Manager for Treatment and Disposal, Simon Chow (far left) and General Manager for HSE, Harris ak Michael Deho (third left).

Serombongan pegawai dari Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak diketuai oleh Pengarah En. John Rampai (keempat kiri) melawat Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) untuk memahami dengan lebih jelas tentang operasi fasiliti tersebut. Rombongan tersebut disambut oleh Ketua CEO Stephen Chin, Pengurus Besar Rawatan dan Pelupusan, Simon Chow (hujung kiri) dan Pengurus Besar HSE, Harris ak Michael Deho (ketiga kiri).

Engagement with Community Leaders / Keterlibatan Bersama Ketua-Ketua Komuniti



A group of community leaders and representatives from the Mambong area recently made a visit to KIWMP to gain a deeper understanding on KIWMP's operations. Additionally, they discussed potential collaborations where the community could actively participate in sustainable waste management practices alongside Trienekens. Present to welcome the group was COO Alice Lee, General Manager for Treatment and Disposal, Simon Chow and General Manager for HSE, Harris ak Michael Deho along with the operations team.

Sekumpulan ketua kaum dan wakil-wakil penduduk dari Kawasan Mambong baru-baru ini melawat KIWMP untuk mempelajari dengan lebih dekat tentang operasi KIWMP. Selain itu, mereka juga berbincang tentang potensi kolaborasi dengan Trienekens yang membolehkan komuniti terlibat secara aktif dalam pengurusan sisa mampan. Hadir menyambut para tetamu ialah COO Alice Lee, Pengurus Besar Rawatan dan Pelupusan, Simon Chow dan Pengurus Besar, HSE Harris ak Michael Deho dan pasukan operasi.

Petronas HSE Management Assurance Audit/ Audit Jaminan Pengurusan HSE Petronas



Ensuring continuous improvements in services and operations is a top priority in Trienekens as it strives to deliver safe, quality, reliable and efficient services to its customers and the general public. Trienekens led by its Deputy Group CEO, Elvin Wee recently welcomed the PETRONAS Health, Safety and Environment (HSE) assurance audit team at the company's head office. The PETRONAS audit team, led by Team Leader Mr. Matius Jok, focused on assessing the company's compliance level with HSE legal and statutory requirements as well as PETRONAS's criteria for management of scheduled waste.

Memastikan pembaikan berterusan di dalam perkhidmatan dan operasi ialah satu keutamaan di Trienekens dalam usahanya memberikan perkhidmatan yang selamat, berkualiti, dipercayai dan efisien kepada para pelanggannya. Diketuai oleh Timbalan CEO Kumpulan, Elvin Wee baru-baru ini menyambut pasukan audit jaminan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) PETRONAS di ibu pejabat syarikat. Pasukan audit PETRONAS, diketuai oleh Ketua Pasukan En. Matius Jok, menumpu kepada penilaian tahap pematuhan syarikat kepada keperluan-keperluan perundangan dan peraturan HSE dan kriteria pengurusan sisa terjadual PETRONAS.

Industrial Engagement Visit by Curtin University Lawatan Keterlibatan Industri Oleh Universiti Curtin



Trienekens recently welcomed a delegation from Curtin University Malaysia, paving the way for potential collaborations on the development of sustainable waste management initiatives and innovations between the two organisations. Welcomed by Trienekens Group CEO Stephen Chin and COO Alice Lee, both parties later engaged in discussions that explored leveraging the expertise and knowledge of the waste management sector with those of scientific research and development. The 19-member team from Curtin was led by Associate Dean of External Engagement from the Faculty of Mechanical Engineering, Ir. Dr. Lim Chye Ing.

Trienekens menyambut lawatan sekumpulan delegasi dari Universiti Curtin Malaysia, lantaran membuka peluang berkolaborasi di dalam inisiatif-inisiatif dan inovasi pembangunan pengurusan sisa mampan di antara kedua-dua organisasi. Disambut oleh CEO Kumpulan Trienekens Stephen Chin dan COO Alice Lee, kedua-dua pihak juga berbincang tentang kerjasama melalui gabungan kepakaran dan pengetahuan dalam sektor pengurusan sisa dengan penyelidikan dan pembangunan saintifik. Pasukan yang dianggotai oleh 19 peserta dari Curtin diketuai oleh Timbalan Dekan Keterlibatan Luaran dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Ir. Dr. Lim Chye Ing.

HSE Month 2023 - Focusing on Preparedness

Bulan HSE 2023 - Fokus kepada Kesiediaan



Trienekens' management team, award winners and guests at the end of the HSE Day celebration in Kuching.
Pasukan pengurusan Trienekens, para pemenang anugerah dan tetamu di penghujung sambutan Hari HSE di Kuching.

Trienekens' HSE Month 2023 emphasised on strengthening safety and emergency preparedness at work as well as promoting healthy lifestyles among its employees. These core elements were aptly summed up as this year's theme - "Stay S.H.A.R.P. Stay Smart, Embrace Safety from the Start". S.H.A.R.P stands for "Saya Sihat Selalu", Health, Awareness, Readiness and Planning.

Speaking at the HSE Day celebration, Trienekens Group CEO, Mr. Stephen Chin, explained that the driving force behind the organising of HSE Month is its people. The activities were organised to foster and strengthen the sense of community and teamwork among the staff as well as promoting a work culture that prioritises safety awareness and collective responsibility.

The half day event also witnessed the launching of the Journey Management Plan (JMP) programme which highlighted the importance of commuting safety among the staff. A group of deserving individuals and teams, including sub-contractors, were later awarded for their outstanding achievements in health, safety and environmental practices. A similar event was also held at Trienekens Bintulu Branch which was attended by Trienekens' General Manager for HSE, Harris ak Michael Deho.

The month-long event included a wide range of activities, such as the Commuting Safety Support Programme by the Social Security Organisation (SOCSSO), emergency response training by BOMBA, health screening and talks by KPJ Kuching Specialist Hospital and Columbia Asia Hospital Bintulu, and an awareness talk by the Employees Provident Fund (EPF).

In addition to that, staff also took part in plogging and e-waste and recyclables collection activities as well as health and fitness programmes called "Quarter Quarter Half" and "Most Improved Body Mass Index (BMI)" which promoted the intake of healthy meals and regular exercises.

Bulan HSE Trienekens 2023 menekankan pengukuhan keselamatan dan kesiediaan kecemasan di tempat kerja serta menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan pekerjanya. Elemen ini dirumuskan dengan tepat sebagai tema tahun ini - "Sentiasa Peka, Sentiasa Bijak, Amalkan Keselamatan dari Mula!" dengan akronim S.H.A.R.P yang bermaksud Saya Sihat Selalu, "Health" (Kesihatan), "Awareness" (Kesedaran), "Readiness" (Kesiediaan) dan "Planning" (Perancangan).

Berucap di sambutan Hari HSE syarikat, CEO Kumpulan Trienekens, Mr Stephen Chin menjelaskan bahawa penggerak utama penganjuran Bulan HSE ialah tenaga kerjanya. Pelbagai aktiviti dianjurkan untuk memupuk dan mengukuhkan semangat kemasyarakatan dan kerja berpasukan di kalangan staf serta menggalakkan budaya kerja yang mengutamakan kesedaran keselamatan dan tanggungjawab kolektif.

Sambutan separuh hari itu juga menyaksikan pelancaran program Rancangan Pengurusan Perjalanan (JMP) yang menekankan kepentingan keselamatan perjalanan dalam kalangan staf. Sekumpulan individu dan pasukan, termasuk sub-kontraktor, telah dianugerahkan atas pencapaian cemerlang mereka dalam amalan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar. Majlis yang sama turut diadakan di Trienekens Cawangan Bintulu yang dihadiri oleh Pengurus Besar HSE Trienekens, Harris ak Michael Deho.

Sambutan selama sebulan itu merangkumi pelbagai aktiviti seperti Program Sokongan Keselamatan Perjalanan (CSSP) oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), latihan respons kecemasan oleh BOMBA, pemeriksaan kesihatan dan ceramah oleh Hospital Pakar KPJ Kuching dan Hospital Columbia Asia Bintulu dan ceramah kesedaran oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Di samping itu, staf juga terlibat di dalam aktiviti "plogging", pengumpulan barang buangan elektrik dan elektronik (BEE) dan bahan kitar semula serta program kesihatan dan kecergasan "Suku Suku Separuh" dan "Indeks Jisim Badan (BMI) Paling Baik" yang menggalakkan pengambilan makanan yang sihat dan senaman yang kerap.



Award winners and guests during HSE Day at the company's Bintulu Branch with General Manager for HSE, Harris ak Michael Deho (seated 6th from right).

Pemenang anugerah dan tetamu pada Hari HSE di Cawangan Bintulu bersama Pengurus Besar HSE, Harris ak Michael Deho (duduk, keenam kanan).



Stephen presenting the Green Synergy Award for Year 2022/2023 to representatives of Headquarters and Kuching Logistics and Services, Mariyama Buloga Nathan and Behui Longe (from left to right).

Stephen menyampaikan Anugerah Sinergi Hijau Tahun 2022/2023 kepada wakil Ibu Pejabat dan Logistik dan Perkhidmatan Kuching, Mariyama Buloga Nathan dan Behui Longe (dari kiri ke kanan).

Stephen presenting the Award for Best Safe Man-hours Achievement Since Last Lost Time Injury (LTI) for Year 2022/2023 to Bintulu Branch, represented by its Senior Manager, Patricia Susie Nyisong.

Stephen menyampaikan Anugerah Pencapaian Jam-Manusia Selamat Terbaik Sejak Hilang Masa Kecelakaan Terakhir (LTI) Tahun 2022/2023 kepada Cawangan Bintulu, diwakili oleh Pengurus Kanannya, Patricia Susie Nyisong.

Stephen presenting the Award for Best Overall Performance in Health, Safety & Environment for the Year 2022/2023 to Leachate Wastewater Treatment Plant (LWWTP) represented by its Department Manager, Lee Yu Wee.

Stephen menyampaikan Anugerah Prestasi HSE Keseluruhan Terbaik dalam Kesihatan, Keselamatan & Persekitaran Tahun 2022/2023 kepada Loji Rawatan Air Resapan (LWWTP) yang diwakili oleh Pengurus Jabatannya, Lee Yu Wee.



A Kuching Logistics (KLG)'s team member getting his blood sugar level checked by a nurse from KPJ Kuching Specialist Hospital.

Seorang ahli pasukan Logistik Kuching (KLG) menjalani pemeriksaan paras gula oleh jururawat dari Hospital Pakar KPJ Kuching.



Team members helping each other with their safety gear during the Emergency Response Training by BOMBA.

Ahli pasukan memasang peralatan keselamatan semasa Latihan Respons Kecemasan oleh BOMBA.

Electrical and Electronic Waste (BEE) Collection Campaign

Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (BEE)

